



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2020	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KeTSA / TNB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Kerajaan beri rebat elektrik 2 sen/kWj

BH 24/12/2020 m/s 8

Pengguna domestik, industri nikmati penurunan bil mulai 1 Januari - 30 Jun 2021.

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz  
@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengguna domestik dan industri akan menikmati rebat elektrik sebanyak dua sen/kWj bermula 1 Januari hingga 30 Jun tahun depan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata pemberian rebat itu bermakna 7.5 juta pengguna domestik akan mengalami penurunan bil elektrik antara 3.6 peratus dan 9.2 peratus.

Katanya, pengguna komersial akan mengalami penurunan bil antara 4.0 peratus dan 5.2 peratus, manakala bil elektrik bagi pengguna industri akan berkurangan antara 4.6 peratus dan 6.1 peratus.

Beliau berkata, kerajaan bersetuju mengekalkan purata tarif asas Tenaga Nasional Bhd (TNB) pada kadar 39.45 sen/kWj bagi 2021.

"Langkah ini diambil berikutan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh Regulatori Kedua TNB di bawah mekanisme Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) sehingga 31 Disember 2021," katanya pada sidang media

di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju melepaskan penjaminan kos bahan api kepada semua pengguna TNB berikutan penurunan harga bahan api arang batu dan gas pada separuh kedua tahun ini.

Shamsul Anuar berkata, ia juga selaras dengan pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

"Kerajaan berharap dengan pemberian rebat berkenaan dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan menurunkan kos menjalankan perniagaan

yang terkesan berikutan penalaran pandemik COVID-19," katanya.

Difahamkan, dengan pemberian rebat dua sen itu, pengguna akaun TNB dapat mengurangkan kos bayaran sehingga lebih RM211.30 sekiranya penggunaan elektrik melebihi 900 kWj.

Sekiranya tahap minimum penggunaan elektrik kurang 100kWj, pengguna boleh menikmati pengurangan sekitar RM1.20 sen.

Pengguna boleh melayari laman sesawang <https://myelectricitybill.my/> untuk melakukan pengiraan sendiri secara mudah dan tepat.



**Langkah ini diambil berikutan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh Regulatori Kedua TNB di bawah mekanisme IBR sehingga 31 Disember 2021.**

**Shamsul Anuar Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli**



**Pemberian rebat elektrik dua sen/kWj mengurangkan kos sara hidup rakyat ketika pandemik.**

(Foto hiasar)